

09 SEP 2000

Mahathir-Nasihat

DR MAHATHIR MINTA BUMIPUTERA AMBIL PELUANG DARIPADA NASIHAT IAP

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama ) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat terutamanya kaum Bumiputera perlu menggunakan peluang bantuan nasihat daripada Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia Malaysia yang mahu membantu mereka menguasai ilmu baru dalam teknologi maklumat dan K-Ekonomi.

Perdana Menteri berkata golongan Bumiputera janganlah menganggap bantuan nasihat IAP itu sebagai satu perkara biasa dan sesiapa sahaja boleh memberinya (nasihat).

"Tidak semua orang boleh beri nasihat dan tidak semua orang berminat memberi (nasihat). Bila ada orang berminat (beri nasihat), kita harus bersyukur dan berterima kasih kerana ini dapat membantu kita atasi banyak cabaran masa depan," katanya ketika melancarkan bangunan ibu pejabat baru KUB Malaysia Berhad di Jalan Yap Kwan Seng di sini.

Bangunan yang dikenali sebagai KUB.com dibeli dengan harga RM64.9 juta pada November lepas dan ia menempatkan 11 syarikat KUB yang menceburi bidang perniagaan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Dr Mahathir berkata bantuan nasihat yang dihulurkan oleh anggota IAP itu adalah ikhlas dan kerajaan bersyukur atas kesanggupan mereka untuk menolong negara maju dalam bidang itu.

"Nasib baik kita ada orang yang seperti ini (ahli panel IAP) yang tidak mahu memburukkan kita tetapi mereka membantu untuk membaiki hidup," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya kaum Bumiputera tidak mengambil peluang mempelajari ilmu baru ini mereka akan menjadi puak yang amat mundur dalam negara dan tidak ada kemampuan bersaing dengan kaum lain di negara sendiri dan dunia moden.

Katanya, dalam dunia baru, sempadan tidak dapat melindungi mereka daripada orang-orang yang bijak dalam bidang k-ekonomi.

"Saya rasa takut jika ada (Bumiputera) yang tidak hirau dengan penguasaan ilmu baru ini kerana ini akan membuat kita ketinggalan.

Yang lebih menakutkan saya terdapat Bumiputera yang jauh ketinggalan dalam bidang ini dan tidak memberi perhatian secukupnya kerana berpendapat masa depan mereka terjamin," katanya.

Pada majlis yang turut dihadiri oleh pelajar Universiti Tun Abdul Razak, institusi pengajian tajaan KUB Malaysia Bhd, Dr Mahathir menasihati mereka supaya memberi tumpuan untuk menguasai ilmu baru itu.

"Jika kita tidak mahu dihina dan ditekan oleh orang yang berpengetahuan dalam ilmu baru itu, maka mereka (pelajar) harus berusaha menguasai ilmu itu kerana ini penting bagi masa depan mereka dan negara," kata beliau.

--BERNAMA

ARA HS ZB